



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PENGECUALIAN NIKOTIN DARIPADA KAWALAN DI BAWAH AKTA RACUN 1952 BAGI PRODUK DALAM BENTUK *PATCH* ATAU *GUM* YANG BERDAFTAR DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN KAWALAN DADAH DAN KOSMETIK 1984

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa berusaha memastikan tahap kesihatan yang baik dalam kalangan rakyat termasuklah dalam mempromosikan amalan gaya hidup sihat. Dalam hal ini, KKM telah membentangkan Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 bagi mengawal selia industri rokok serta aktiviti merokok demi kemaslahatan kesihatan awam di negara ini.

Selain RUU ini serta kempen *Generational End Game* (GEG) atau generasi penamat merokok, KKM juga sedang giat melaksanakan pelbagai program bagi mewujudkan masyarakat bebas rokok seperti Perkhidmatan Klinik Berhenti Merokok yang dijalankan di Klinik-klinik Kesihatan di seluruh negara.

Untuk makluman, terdapat dua kaedah rawatan untuk berhenti merokok seperti yang digariskan dalam *Clinical Practice Guidelines (CPG): Treatment for Tobacco Use Disorder*.

1. Melalui ubat-ubatan iaitu menggunakan produk gantian nikotin; dan
2. Melalui kaedah intervensi tingkah laku.

Buat masa ini, perokok yang ingin berhenti merokok mempunyai **akses yang terhad kepada produk gantian nikotin** memandangkan nikotin dikawal selia di bawah Akta Racun 1952. Akta ini menetapkan bahawa pembekalannya hanya boleh dilakukan oleh ahli farmasi berlesen atau pengamal perubatan berdaftar.

Justeru, KKM telah mengambil langkah proaktif dengan menjadikan produk gantian nikotin sebagai **bukan racun**. Ia dilakukan dengan memberikan pengecualian kepada nikotin daripada kawalan di bawah Akta Racun 1952 **bagi produk dalam bentuk *patch* atau *gum* yang berdaftar di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah Dan Kosmetik 1984 yang digunakan sebagai bantuan untuk berhenti merokok**. Pengecualian ini mula berkuatkuasa pada **6 Oktober 2022** selaras dengan pewartaan Perintah Racun (Pindaan Senarai Racun) 2022 (P.U.(A) 309/2022) pada 5 Oktober 2022.

Menerusi pengecualian ini, akses kepada produk gantian nikotin dalam bentuk *patch* atau *gum* kini **menjadi lebih mudah dan meluas menerusi pembelian di kaunter (*over-the-counter*)** termasuklah di kedai-kedai runcit atau serbaneka yang membekalkannya. Amalan seperti ini turut dilaksanakan di negara-negara luar seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Kanada dan Australia.

Pengecualian ini juga diharap dapat membantu perokok yang bermotivasi untuk berhenti merokok dalam menangani kesan simptom sarak (*withdrawal symptom*). Kebergantungan nikotin melalui sediaan *patch* atau *gum* didapati kurang memberikan kesan mudarat berbanding kebergantungan kepada nikotin melalui rokok.

KKM akan sentiasa meningkatkan advokasi terhadap program berhenti merokok dengan menggalakkan perokok supaya berdaftar dengan program sedia ada seperti mQuit serta kempen-kempen lain.

KHAIRY JAMALUDDIN
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

6 OKTOBER 2022